

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 FEBRUARI 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 18

**Ekonomi dijangka kekal momentum pertumbuhan kukuh**

Ekonomi dijangka kekal momentum pertumbuhan kukuh

**Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)** menjangkakan ekonomi Malaysia berkembang sederhana 3.6 peratus pada suku keempat 2023, menjadikan pertumbuhan keseluruhan 2023 sebanyak 3.9 peratus.

Ia lebih rendah berbanding unjuran Bank Negara Malaysia iaitu 4 peratus.

Bagi 2024, institut itu menjangkakan pertumbuhan ekonomi Malaysia antara 4.3 hingga 4.6 peratus lidorong permintaan domestik berdaya tahan dan keadaan pasaran pekerjaan yang stabil.

Namun, katanya, prospek perumbuhan ekonomi Malaysia bagi 2024 itu tertakluk kepada

beberapa risiko penurunan, termasuk prospek suram ekonomi China, ketidaktentuan geopolitik

di Asia Barat, peningkatan tekanan kewangan dalam ekonomi sedang membangun dan perubahan iklim.

"Ekonomi Malaysia dijangka mengeralkan momentum pertumbuhan yang kukuh pada suku keempat 2023 meskipun permintaan luaran yang lemah dan susut nilai ringgit," katanya dalam tinjauan ekonomi Malaysia suku keempat 2023.

Mengetahui sentimen pengguna dan keyakinan perniagaan, MIER berkata, Indeks Sentimen Pengguna (CSI) meningkat semula pada suku keempat 2023, selepas penurunan tiga suku tahunan berturut-turut sejak suku pertama 2023.

Jia berkata, CSI untuk suku

Ia berkata, CSI untuk suku keempat berada pada 89.4, men-

cerminkan peningkatan ketara berbanding suku tabunan sebelu-

berbanding suku tahunan sebelumnya, apabila ia berada pada 78.9

Bagaimanapun, katanya, CSI suku keempat terus berada di

bawah paras siling 100 mata, menunjukkan bahawa pengguna masih pesimis terhadap ekonomi.

"Sebaliknya, pengguna menunjukkan tanda optimis mengenai prospek pekerjaan bagi suku ini, dengan Indeks Pekerjaan meningkat daripada 98.8 pada suku ketiga kepada 104.5 pada suku keempat," katanya.

MIER berkata, sejajar dengan CSI, Indeks Keadaan Perniagaan (BCI) menunjukkan tanda pemuliharan selepas penurunan dua suku tahunan berturut-turut sejak suku kedua 2023.

Ia berkata, pada suku keempat 2023, BCI meningkat 9.3 mata berbanding suku sebelumnya, mencapai 89.0 mata.

Bagaimanapun, katanya, BCI  
kekal di bawah ambang optimis.

Kekal di bawah ambang optimis 100 mata, menunjukkan bahawa pengeluar tempatan mengekalkan tinjauan terkawal terhadap ekonomi.

Indeks Jangkaan BCI untuk suku keempat 2023 mencatatkan nilai 113.5 mata, peningkatan ketara daripada 89.0 mata yang dicatatkan pada suku ketiga 2023.

"Peningkatan dalam indeks jangkaan menunjukkan bahawa syarikat menyatakan keyakinan terhadap prospek untuk tiga bulan akan datang, dengan sangat tinggi, dengan keyakinan dilihat dalam sektor minuman dan teks-

til," katanya

Mengenai inflasi, MIER berkata, kadar inflasi tahunan bagi 2024 dijangka sekitar 2.5 peratus dan 3.0 peratus.

Katanya, tinjauan akan teraklu kepada perubahan dalam dasar domestik mengenai subsidi dan cukai, dasar monetari Bank Negara Malaysia (BNM), pergerakan harga komoditi global dan kejutan yang tidak dijangka yang timbul daripada ketidaktentuan geopolitik di Asia Barat.

Mengenai kadar dasar semalam (OPR), MIER menjakangkan BNM akan mengekalkan kadar semasa OPR 3 peratus sepanjang tahun ini ini dalam keadaan inflasi domestik yang stabil dan keadaan pasaran pekerjaan yang utuh.